

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Date:

Pelanggan yang dihormati,

Risalah Pendedahan Produk (RPP) ini menyediakan maklumat penting tentang Akaun Pelaburan Tidak Terhad Mudarabah ("SURI") anda.

Pelanggan lain telah membaca RPP ini dan mendapati ia bermanfaat, anda juga harus membacanya.

1 APAKAH ITU AKAUN PELABURAN TIDAK TERHAD MUDARABAH

Akaun Pelaburan Tidak Terhad Mudarabah ("SURI") adalah produk akaun pelaburan tidak terhad berdasarkan konsep Syariah iaitu *Mudarabah*. Pelanggan, yang dikenali sebagai Pemegang Akaun Pelaburan (PAP), akan menjadi penyedia modal yang menempatkan jumlah pelaburan yang akan diuruskan oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad ("Bank"). Sebarang keuntungan yang dihasilkan dikongsi mengikut Nisbah Perkongsian Keuntungan (NPK) yang dipersetujui bersama. Keuntungan untuk PAP diperolehi daripada prestasi Aset Portfolio asal yang diperuntukkan dan kini direkodkan sebagai aset dalam buku Bank.

PAP berpeluang untuk mengambil bahagian dalam cabutan hadiah (jika ada) dan seterusnya, akan mempunyai akses kepada kemudahan berikut:

- Kad Debit (Individu dan Pemilikan Tunggal);
- Mesin Juruwang Automatik (MJA); dan
- Perbankan Internet.

Produk ini distrukturkan di bawah konsep *Mudarabah*. Ini adalah kontrak antara penyedia modal (*rabbul mal*) dan seorang usahawan (*mudharib*) di mana rabbul mal menyediakan modal untuk diuruskan oleh mudharib dan apa-apa keuntungan yang dihasilkan dari modal dikongsi antara rabbul mal dan mudharib mengikut NPK yang dipersetujui bersama manakala kerugian kewangan ditanggung oleh rabbul mal dengan syarat kerugian tersebut tidak disebabkan oleh salah laku mudharib (*ta'addi*), kecuiaan (*taqsir*) atau pelanggaran istilah tertentu (*mukhalafah al-shurut*).

2 KETAHUI TANGGUNGJAWAB ANDA

Ilustrasi Perkongsian Keuntungan

Keuntungan = $\frac{\text{Baki Harian Terkumpul Bagi Bulan} \times \text{NPK} \times \text{Kadar Pulangan Kasar Tahunan} \times \text{Bilangan Hari}}{365 \text{ atau } 366}$

Tarikh Akaun Dibuka	: 01 Mac 2021
Tarikh Akhir Bulan	: 31 Mac 2021
Bilangan Hari dalam Bulan	: 31 hari
Bilangan Hari dalam Tahun	: 365 hari
Baki Harian Terkumpul Bagi Bulan	: RM5,000.
Kadar Pulangan Kasar	: 3%
Nisbah Perkongsian Keuntungan	: 2 : 98
Perolehan Keuntungan	: $RM5,000 \times 2\% \times 3\% \times 31/365$ = RM0.25

Anda bertanggungjawab untuk:



Baca dan fahami **terma-terma utama** dalam kontrak sebelum anda menandatangani



Sekiranya anda membuat pengeluaran sebelum tarikh matang, anda mungkin kehilangan sebahagian daripada amaun pelaburan asal anda.



Anda perlu memaklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan butiran peribadi anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

Fi dan Caj

Fi & Caj	Jumlah
Penutupan akaun untuk akaun dibuka kurang daripada 3 bulan (atas permintaan)	RM 10.00 (setiap akaun) atau baki sedia ada, yang mana lebih rendah
Sejarah urus niaga/penyata Adhoc melalui kaunter	RM 1.00 (bagi setiap mukasurat)
Penyata Akaun	RM 10.00 (bagi setiap permintaan)
Akaun Doman	RM 10.00 dan kebawah

*Sila rujuk laman sesawang kami di www.muamalat.com.my untuk maklumat lanjut berkenaan yuran dan caj.

Terma Utama bagi Pelaburan

Produk ini sesuai untuk pelanggan yang ingin melabur di bawah konsep Mudarabah, di mana keuntungan dikongsi mengikut Nisbah Perkongsian Keuntungan (NPK) yang dipersetujui, dan prinsipal pelaburan tidak dijamin.

a) Kelayakan

- Terbuka kepada individu berumur 18 tahun ke atas, termasuk penduduk dan bukan pemastautin.
- Akaun Amanah dibenarkan bagi kanak-kanak (minor) dan dikendalikan oleh ibu bapa atau penjaga sah.
- Kategori perniagaan tertentu seperti Pemilikan Tunggal, Perkongsian, Agensi Profesional, Perkongsian Liabiliti Terhad dan syarikat mikro/kecil.
- Akaun Bersama dibenarkan.
- Tertakluk kepada penilaian kelayakan dan kesesuaian oleh pihak Bank.

b) Objektif Pulangan

Keuntungan (jika ada) bergantung kepada prestasi portfolio pelaburan dan akan diagihkan mengikut NPK yang dipersetujui.

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Date:

3 KETAHUI RISIKO ANDA

Apa yang risiko yang perlu anda pertimbangkan?
Bank menguruskan pelaburan ini berdasarkan Polisi Akaun Pelaburan yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Langkah kawalan pengurusan risiko yang sewajarnya dilaksanakan ke atas portfolio aset, aktiviti perundangan dan operasi, termasuk peruntukan aset, pengurusan kecairan, penilaian serta pemantauan prestasi.

Jenis Risiko	Penerangan
Risiko Pasaran	Nilai pelaburan boleh berubah disebabkan oleh pergerakan kadar keuntungan, harga pasaran atau keadaan ekonomi.
Risiko Kecairan	Anda mungkin menerima keuntungan yang lebih rendah atau mengalami pengurangan modal sekiranya aset tidak dapat ditukar kepada tunai dengan segera.
Risiko Kredit	Bank mungkin tidak dapat memenuhi kewajipannya kepada anda berdasarkan terma dan syarat yang telah dipersetujui.
Risiko Perundangan	Sebarang perubahan dalam undang-undang, peraturan atau garis panduan boleh memberi kesan kepada terma dan syarat pelaburan ini.

Peringatan: Anda dinasihatkan untuk memahami dan menimbangkan semua faktor risiko dengan teliti sebelum membuat keputusan pelaburan.

4 TERMA UTAMA LAIN

- Pengeluaran**
Anda boleh mengeluarkan dana anda pada bila-bila masa tanpa sebarang sekatan.
- Hibah (Hadiah)**
Produk ini menawarkan peluang untuk memenangi hadiah berdasarkan konsep Syariah iaitu Hibah.
- Pelaburan Awal**
Individu: RM100
Bukan Individu: RM1,000
- Baki Minimum**
Anda perlu mengekalkan baki minimum sebanyak RM50 dalam akaun pada setiap masa.
- Pengeluaran dan Tempoh**
Pengeluaran secara fleksibel adalah dibenarkan. Tiada had pelaburan dan tiada tarikh matang ditetapkan.

Peringatan: Prestasi masa lalu bukan penunjuk kepada prestasi masa hadapan.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan produk SURIA, anda boleh:



Hubungi kami di:
03-26005500



Layari kami di:
[Akaun Pelaburan Tidak Terhad Mudarabah \("SURIA"\)](#)



E-mel kami melalui:
feedback@muamalat.com.my

Perakuan Pelanggan

Pastikan anda mengisi sendiri bahagian ini dan mengetahui tujuan anda menurunkan tandatangan.

- ☐ Saya mengakui Bank Muamalat telah memberikan kepada saya salinan RPP
- ☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam RPP ini.

**Perakuan Pelanggan ke atas RPP ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan ganti rugi jika berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk*

Nama:
Tarikh:

AMARAN:

PULANGAN AKAUN PELABURAN INI BERGANTUNG KEPADA PRESTASI ASET PENDASAR. PRINSIPAL DAN PULANGAN TIDAK DIJAMIN DAN PAP BERISIKO UNTUK TIDAK MENDAPAT SEBARANG PULANGAN. JIKA PELABURAN DITEBUS AWAL, PAP MUNGKIN MENGALAMI KERUGIAN SEBAHAGIAN ATAU KESELURUHAN JUMLAH PELABURAN. AKAUN PELABURAN INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PIDM.